

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[HISTORY AND CONTRIBUTION OF BARZANJI AND MARHABAN PRACTICES IN THE MAIN COUNCILS OF SOCIETY]**

**SEJARAH SERTA SUMBANGAN AMALAN BARZANJI DAN MARHABAN DALAM MAJLIS-MAJLIS UTAMA MASYARAKAT**

ABDUL BASIT SAMAT @DARAWI\*<sup>1</sup>  
 SITI RUGAYAH TIBEK<sup>1</sup>  
 RAZALEIGH MUHAMAT @KAWANGIT<sup>1</sup>  
 ABDUL RAHMAN HAMZAH<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Kajang, Malaysia.

\*Corresponding author:

Received Date: 9 Januari 2015 • Accepted Date: 9 Januari 2015

**Abstract**

*The art of barzanji and marhaban is included in the sound art of Islamic heritage. It has long been practiced by the Muslim community in certain occasions. The art of barzanji and marhaban is a series of poems about the story of Rasulullah SAW which are presented with its own rhythm. This practice has good implications for the appreciation of the sirah of Rasulullah SAW and is able to foster unity among the community. However, recent developments have found that the practice of barzanji and marhaban is increasingly eroded in society. This article explains about the history and role of the art of barzanji and marhaban. Several suggestions were also put forward to strengthen the art of barzanji and marhaban so that it can continue to be practiced in society.*

*Keywords: barzanji, marhaban, sound art of Islamic.*

**Abstrak**

Seni barzanji dan marhaban adalah termasuk dalam seni suara warisan Islam. Ianya telah lama diamalkan oleh masyarakat Islam dalam majlis-majlis tertentu. Seni barzanji dan marhaban adalah rangkaian puisi tentang kisah Rasulullah SAW yang disampaikan dengan iramanya yang tersendiri. Amalan ini memberikan implikasi yang baik kepada penghayatan sirah Rasulullah SAW serta mampu memupuk perpaduan di kalangan masyarakat. Namun, perkembangan terkini mendapati amalan barzanji dan marhaban semakin terhakis dalam masyarakat. Artikel ini menjelaskan tentang sejarah dan peranan seni barzanji dan marhaban. Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi memperkasakan seni barzanji dan marhaban agar terus diamalkan dalam masyarakat.

**Kata kunci:** barzanji, marhaban, seni suara, warisan Islam.

**Cite as:** Abdul Basit Samat @Darawi, Siti Rugayah Tibek, Razaleigh Muhamat @Kawangit & Abdul Rahman Hamzah. 2015. Sejarah serta sumbangan amalan barzanji dan marhaban dalam majlis-majlis utama masyarakat. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9(1): 121-132.

## PENGENALAN

Aspek kesenian merupakan salah satu dari pada kebudayaan hidup masyarakat. Seni suara merupakan satu cabang daripada kesenian dalam Islam. Ianya boleh dimanfaatkan sebagai satu media dakwah. Antara seni suara dalam kesenian Islam ialah seni barzanji dan marhaban. Ianya diamalkan dalam masyarakat Islam dan sering diadakan dalam majlis-majlis tertentu seperti Maulidur Rasul, menyambut kelahiran, perkahwinan dan sebagainya. Seni barzanji dan marhaban berfungsi sebagai satu media dakwah yang memaparkan tentang keperibadian dan perjuangan Rasulullah SAW yang mana tentunya boleh diteladani oleh masyarakat. Impak yang baik juga boleh diperoleh oleh masyarakat dengan wujudnya semangat persaudaraan dan menguatkan silaturrahim apabila sama-sama menghadiri dan menjayakan majlis barzanji dan marhaban. Penulisan ini menyentuh dari aspek sejarah dan amalan seni barzanji dan marhaban juga peranannya sebagai media dakwah. Usaha-usaha tertentu yang dirasakan perlu diambil turut dikemukakan bagi memperkasakan seni ini sebagai media dakwah seterusnya memastikan seni warisan Islam ini terus menjadi amalan masyarakat Islam.

## SENI BARZANJI DAN MARHABAN: SEJARAH DAN AMALAN

### Barzanji

Barzanji merupakan satu bentuk seni suara Islam yang dipersembahkan di dalam majlis atau upacara keagamaan seperti maulid Nabi, akikah, menyambut kelahiran bayi, berkhatan dan juga majlis perkahwinan (Abdul Rahman Rukaini, 1996: 1). Ia adalah hasil susunan Syeikh Ja'far al-Barzanji dan merupakan rangkaian sejarah hidup Nabi Muhammad SAW yang menyentuh tentang keturunan, perkembangan kehidupan sejak zaman kanak-kanak sehinggalah dilantik sebagai Rasul. Ia juga menyentuh tentang sejarah perjuangan serta keperibadian Rasulullah SAW yang seharusnya menjadi contoh teladan bagi seluruh umat manusia (Abu Bakar Ya'kub, 1974: 5)

Pengarang Kitab Maulid Barzanji ialah Sayyid Ja'far bin Hasan bin Abdul Karim bin Sayyid Muhammad Al-Madani. Perkataan Barzanji itu dinisbahkan kepada kampung asal keturunan penulis iaitu Barzanji yang terletak di Iraq (Muhammad Fuad al-Maliki, 2009: 12). Sejarah awal amalan barzanji dan marhaban dikatakan bermula pada zaman kerajaan Fatimiyah yang memerintah Mesir dan atau zaman Abasiyyah ketika pemerintahan Harun Al-Rasyid (Syeikh Abdul Ghaffar Syeikh Abdul Quddus, 1993: 5). Ia dapat dikesan selepas 200 tahun kewafatan Rasulullah SAW. Dengan meluasnya penerimaan dan perkembangan Islam, ianya membuka jalan kepada perkembangan kebudayaan manusia yang menjadikan Islam itu bukan hanya untuk bangsa Arab semata-mata namun meliputi keseluruhan. Umumnya orang Melayu tidak melakukan sebarang gubahan gaya membaca barzanji, tetapi sekadar membaca seperti apa yang dibaca oleh orang Arab dengan dendangan kepelbagaian gaya suara. Ia

dikatakan tersebar di kepulauan Melayu kira-kira 100 tahun yang lalu. Penyebaran Islam ke Nusantara khususnya secara tidak langsung turut membawa masuk aspek kesenian berunsurkan Islam dan ini tidak terkecuali seni barzanji dan marhaban.

## Marhaban

Perkataan ( بحر ) ‘rahaba’ berasal daripada perkataan kata kerja bahasa Arab ( بحر ) ‘marhaba’ yang bererti lapang dan luas (Ibn Manzur, 2003: 95). Ia membawa maksud ucapan selamat atau hormat yang diucapkan bagi mengalu-alukan seseorang ketika bertemu juga ada yang menterjemahkan ungkapan ini kepada selamat datang.

Dalam kitab barzanji, terdapat nazam khas yang dibaca dengan lagu-lagu yang menarik. Kebiasaannya, masyarakat Melayu menamakan pembacaan ini dengan nama marhaban. Acara marhaban ini dilakukan semasa membaca kitab barzanji dalam bab ke empat iaitu apabila tiba rangkap yang kelapan pada ayat yang menyebut baginda dilahirkan dan pada ketika itu orang ramai pun berdiri sambil membaca marhaban (Selamat b. Hashim, 2008: 199).

Ia dilagukan dalam bahasa Arab dan bersumberkan dari kitab Majmu’ah Maulud Sharaf al-Anam. Marhaban bertujuan mengingatkan Nabi Muhammad SAW serta dapat menambah kemeriahan majlis yang diadakan. Marhaban sebenarnya mempunyai kaitan dengan penghijrahan Rasulullah SAW ke Madinah di mana baginda disambut dengan paluan gendang dan alunan nyanyian. Lagu nyanyian tersebut terkenal sehingga ke hari ini iaitu; (Abi Hamid Muhammad al-Ghazali, 1969: 112).

طلع البدر علينا \* من ثنيات الوداع

وجب الشكر علينا \* ما دعى الله داع

Terdapat pelbagai lagu marhaban sehingga ada juga yang menyesuaikan irama lagu Melayu atau Jawa dengan irama marhaban (Abdul Rahman Rukaini, 1996: 8). Antara irama lagu marhaban adalah seperti syira, rakbi, nahwan, ras, babri, masri, hajaka dan haiya (Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohammad, 1994: 24)

Di negara kita khususnya, barzanji dan marhaban ini dikembangkan melalui peranan pusat pengajian Islam tradisional (pondok) . Mereka bersama-sama dengan guru al-Quran melagu-lagukan barzanji dan dijadikan sebagai satu bentuk hiburan selepas belajar.

Selepas tamat pengajian, mereka pulang ke kampung masing-masing dengan membawa bersama-sama amalan barzanji ini. Kebiasaannya mereka menjadi guru serta imam-imam di masjid-masjid dan surau-surau. Mereka menerapkan amalan ini dalam masyarakat setempat. Di samping itu juga dengan adanya galakan daripada sultan dan pembesar-pembesar negeri turut membantu kepada perkembangan amalan ini. Terdapat kumpulan barzanji dan marhaban yang ditubuhkan khas oleh pihak istana dan kaum kerabat malahan pernah menjadi satu pengisian dalam majlis yang melibatkan adat istiadat Diraja (Syeikh Abdul Ghaffar Syeikh Abdul Quddus, 2008:10). Perkembangan seni barzanji dan marhaban banyak dipelopori oleh guru-guru al-Quran yang mana di samping memberi tunjuk ajar tentang seni bacaan al-Quran berlagu (taranum), mereka juga mengajarkan seni barzanji dan marhaban.

## Biografi Pengarang Kitab Barzanji

Terminologi 'barzanji' diambil dari nama pengarang kitab barzanji itu sendiri. Beliau ialah Syeikh Ja'far bin Hasan bin Abdul Karim bin as-Sayyid Muhammad bin Abd ar-Rasul al-Barzanji ibn Abd ar-Rasul bin Abd as-Sayyid abd ar-Rasul bin Qolandri bin Husain bin Ali bin Abi Tholib r.a. Beliau dilahirkan di Madinah dan pernah menjadi khatib Masjid Nabawi di Madinah (Azra Azyumardi, 2007: 109). Dilahirkan pada tahun 1690 dan meninggal dunia pada tahun 1766 (Selamat Hashim, 2008: 198). Beliau juga merupakan seorang imam, guru besar di Masjid Nabawi serta antara tokoh pembaharuan Islam abad yang ke 12 (Muradi, 1988: 9). Nama al-Barzanji adalah berdasarkan nama penulisnya bersempena tempat asal keturunannya iaitu daerah Barzanj (Kurdistan). Keluarga al-Barzanji merupakan keluarga ulama yang mempunyai kedudukan dan kemuliaan di sisi masyarakat. Mereka dihormati dan dimuliakan oleh penduduk Syahrazur sehinggakan maqam keluarga ini sentiasa diziarahi oleh ramai orang (Muhammad Fuad al-Maliki, 2009: 15).

Syeikh Jacfar al-Barzanji adalah pengarang kitab Maulid al-Barzanji. Kitab tersebut sebenarnya diberi nama 'Iqd al-Jauhar yang bermakna kalung permata. Kitab Maulid al-Barzanji adalah antara kitab maulid yang terkenal dan paling luas tersebar ke seluruh Tanah Arab dan wilayah-wilayah Islam yang lainnya. Kandungannya merupakan khulasah (ringkasan) sirah nabawiyah yang merangkumi kelahiran Nabi Muhammad SAW, pengutusannya sebagai Rasul, peristiwa hijrah, menggambarkan keperibadian dan akhlak Baginda, peperangan yang dilalui serta kewafatannya (Muhammadiyah Yunus dan Rugayah Tibek, 2012: 6).

Beliau dibesarkan dan diberi pendidikan yang baik oleh ayahandanya. Beliau mempelajari serta menguasai pelbagai bidang ilmu seperti tajwid al-Quran, ilmu *lughah*, *fiqh*, *usul fiqh*, *faraidh*, sirah, hadith, tafsir dan sebagainya. Antara guru-guru beliau dalam pelbagai bidang keilmuan itu ialah Syeikh Ismail al-Yamani r.a, Syeikh Yusuf al-Sacidi r.a, Syeikh Muhammad Taiyyib al-Fasi, Syeikh Abdullah al-Syubrawi al-Misri dan lain-lain. Oleh kerana mempunyai kredibiliti keilmuan yang tinggi, Syeikh Ja'far al-Barzanj pernah dilantik sebagai Mufti Mazhab Syafi'i di Madinah. Beliau dikenali sebagai seorang yang mulia sifatnya, tawaddu', dermawan dan sentiasa menjadi rujukan di kalangan keturunan Rasulullah SAW (Muhammad Fuad al-Maliki, 2009: 21)

Terdapat dua karya beliau tentang maulid iaitu yang dikenali dengan Maulid al-Barzanji Natsr dalam bentuk prosa-lirik dan Maulid al-Barzanji Nazam dalam bentuk puisi. Kitab barzanji ditulis bertujuan mempertingkatkan kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW dan supaya umat Islam meneladani keperibadian Baginda Rasulullah SAW. (Muhammad Sholikin, 2009: 49).

## Kitab-kitab Maulid

Secara umumnya kitab barzanji adalah mengenai kisah Rasulullah SAW. Ia juga dikenali oleh sesetengah ulama sebagai kitab maulid. Terdapat banyak kitab maulid yang dikarang oleh ulama samada dalam bentuk syair, prosa dan sebagainya. Sebenarnya kitab maulid tidak pernah terhenti dan sentiasa bertambah dari masa ke semasa. Di antara kitab maulid yang dikenal pasti ialah:

- i. Maurid al-Haniyy fi Maulid Saniyy karangan al-Hafiz Abdul Rahman ibn al-Husain al-Misri.
- ii. Jamic al-Athar fi Maulid al-Nabiy al-Azhar karangan al-Hafiz Syamsuddin Muhammad ibn Abu Bakar al-Syafici.
- iii. Iqd al-Jauhar fi Maulid al-Nabiyy al-Azhar karangan Syeikh Jacfar al-Barzanji

Di Nusantara, kebanyakan masyarakat Islam menyambut maulid Nabi Muhammad SAW dengan membaca kitab Maulid Nabi yang dikenali dengan Maulid Barzanji. Selain dari itu juga dibaca kitab Maulid al-Daiba'i karya Syeikh Abdul Rahman al-Daiba'ei dan Samt al-Durar karya Sayyid Ali Muhammad al-Habsyi. Nama kitab maulid yang lebih dikenali sebagai Maulid Barzanji ini ialah *Iqd al-Jauhar fi Maulid al-Nabiyy al-Azhar*, namun nama ini tidak masyhur digunakan sebagaimana penggunaan nama kitab Maulid Barzanji (Mohammad Fuad Kamaluddin al-Maliki, 6: 2009).

Kitab barzanji yang biasa digunakan di Malaysia ialah kitab *Majmu'ah Mauludu Sharif al-Anam*. Selain dari itu ialah kitab *Majmu'ah al-Mawalid wa Ad'iyyah Sharaf al-Anam Barzanji Nathar wa Barzanji Nazam* serta kitab *Maulid Barzanji dan Daiba'i*. Sebenarnya ramai juga yang keliru, apabila disebut kitab Maulid Barzanji, secara tidak langsung akan membayangkan kitab *Majmu'ah Maulud Sharaf al-Anam* sedangkan kitab ini bukan sahaja mengandungi Maulid Barzanji tetapi juga qasidah, doa dan ratib yang bukan ditulis oleh Syeikh Ja'far al-Barzanji r.a. Hanya terdapat satu bacaan Maulid tulisan al-'Allamah Syeikh Ja'far al-Barzanji di dalam kitab ini, iaitu Maulid al-Barzanji Nathar (prosa) pada halaman 72 hingga 109, manakala Maulud al-Barzanji Nazam (syair) pada halaman 110 hingga 147. Maulud Barzanji Nazam ini ditulis oleh cicitnya al-'Allamah Sayyid Zain al-Abidin ibn Sayyid Muhammad al-Hadi (Mohammad Fuad Kamaluddin al-Maliki, 9: 2009).

Dalam pada itu terdapat beberapa buah kitab yang berbentuk menghuraikan (syarah) kandungan dalam kitab-kitab barzanji dengan pelbagai gaya penulisan dan bahasa. Antara kitab-kitab tersebut ialah:

- i. *Madarij al-Suud Ila Iktisa al-Burud* oleh Nawani al-Bantani.
- ii. *Sabil al-Munji* oleh Abu Ahmad Abdul Hamid al-Kandali.
- i. *Nur al-Lail al-Daji wa Miftah Bab al-Yasar* oleh Ahmad Subki al-Masyhadi.
- ii. *Munyat al-Martaji fi Tarjamah Maulid al-Barzanji* oleh Asrari Ahmad.
- iii. *al-Qaul al-Munji ala-Macani al-Barzanji* oleh Mundzir.
- iv. *Badr al-Daji fi Tarjamah Maulid al-Barzanji* oleh Muhammad Mizan Asrani Muhammad (Ensiklopedia Islam, 2004: 245).

### **Kandungan Kitab Maulid Barzanji**

Secara umumnya ringkasan paparan kitab barzanji adalah seperti yang dijelaskan di bawah ini:

- i. Salasilah Nabi Muhammad SAW: Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim bin Abdul Manaf bin Qusa'iy bin Kilab bin Murrâh bin Ka'ab bin Malik bin Fih'r bin Malik bin Nadir bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudar bin Nizar bin Ma'ad bin Adnan.
- ii. Pada zaman kanak-kanak terdapat beberapa perkara yang luar biasa berlaku kepada diri Muhammad SAW antaranya peristiwa malaikat membelah dada dan membuang segala kotoran di dalamnya.
- iii. Ketika zaman remaja iaitu usianya 12 tahun, ia dibawa oleh bapa saudaranya menjalankan perniagaan di Syam (Syria). Semasa dalam perjalanan pulang, seorang pendeta melihat tanda-tanda kenabian pada dirinya.
- iv. Pada usia 25 tahun Rasulullah SAW berkahwin dengan Khadijah binti al-Khuwaylid.
- v. Baginda Rasulullah SAW diangkat menjadi Rasul ketika berusia 40 tahun. Bermula saat tersebut Rasulullah SAW menyebarkan ajaran Islam dalam dua period iaitu zaman Makkah dan Madinah. Baginda meninggal dunia di Madinah ketika berusia 63 tahun, setelah dakwahnya dianggap telah sempurna oleh Allah SAW (Abdul Aziz Dahlan, 2001: 199).

Kitab Barzanji yang biasa digunakan dalam masyarakat Melayu di negara kita khususnya mengandungi lapan belas rawi. Rawi adalah perenggan bagi setiap syair barzanji dengan pengkisahan yang berbeza. Pada setiap rawi mempunyai pengisian isi kandungannya yang tersendiri.

<b>Rawi</b>	<b>Pengisian Isi Kandungan Kitab Barzanji</b>
Pertama	Pendahuluan
Kedua	Nasab (keturunan Rasulullah SAW)
Ketiga	Rasulullah SAW di alam nur dan di alam ruh
Keempat	Kelahiran Rasulullah SAW
Kelima	Keadaan Rasulullah SAW sewaktu lahir
Keenam	Peristiwa sewaktu Rasulullah SAW lahir ke dunia
Ketujuh	Penyusuan Rasulullah SAW
Kelapan	Sifat tubuh badan Rasulullah SAW
Kesembilan	Ibu dan datuk Rasulullah SAW meninggal dunia
Kesepuluh	Rasulullah SAW sebagai seorang pedagang
Kesebelas	Rasulullah SAW mengadili hajarul aswad
Kedua belas	Perlantikan Rasulullah SAW menjadi sebagai Rasul
Ketiga belas	Sahabat Rasulullah yang pertama
Keempat belas	Peristiwa isra' dan mikraj

Kelima belas	Kisah kaum ansar
Keenam belas	Perpindahan Rasulullah SAW (peristiwa hijrah)
Ketujuh belas	Kesempurnaan seorang Rasulullah SAW
Kelapan belas	Akhlak Rasulullah SAW

### Majlis-majlis Diadakan Barzanji dan Marhaban

Amalan barzanji dan marhaban telah menjadi satu amalan tradisi masyarakat Melayu. Kebiasaannya pembacaan barzanji dan marhaban dibuat dalam majlis-majlis yang berikut;

i. Menyambut kelahiran bayi

Sesetengah masyarakat Melayu masih mengekalkan adat warisan ini. Bila terdapat dalam kalangan anggota keluarga atau jiran tetangga yang mendapat anak, maka pada sebelah malamnya mereka datang ke rumah pasangan suami isteri yang baru mendapat cahaya mata itu. Mereka membaca doa selamat diikuti barzanji dan marhaban. Adat seumpama ini bagi menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT di samping melahirkan rasa gembira menyambut kehadiran anggota baru dalam keluarga. Dalam majlis ini biasanya semua bab yang terdapat dalam kitab barzanji termasuk doanya dibaca keseluruhannya. Ia mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan.

ii. Potong jambul bayi

Dalam majlis ini, barzanji adalah satu acara yang paling penting. Kebiasaannya hanya empat bab sahaja yang dibaca. Semasa hadirin berdiri sambil membaca marhaban, pada masa itulah bayi dibawa dan digunting beberapa helai rambutnya. Ada kalanya bayi berkenaan sudah melebihi satu tahun. Dalam upacara tersebut, amalan yang diharapkan mendapat pahala adalah melalui amalan pembacaan barzanji dan marhaban, ini adalah kerana dalam bacaan barzanji dan marhaban mengandungi puji-pujian dan selawat ke atas Rasulullah SAW. Adalah sunat dilakukan ke atas kelahiran bayi menurut yang disyariatkan ialah dalam tempoh seminggu kelahirannya dibuat akikah dan diberi nama serta dicukur semua rambutnya.

iii. Majlis berkhatan

Amalan barzanji yang diikuti marhaban dan doa selamat kadang-kadang turut diadakan dalam majlis berkhatan. Kebiasaannya majlis ini diadakan pada waktu malam dan pada keesokan harinya kanak-kanak itu akan dikhatankan. Sebanyak mana bahagian bacaan dalam barzanji itu adalah bergantung kepada permintaan tuan rumah.

iv. Majlis perkahwinan

Barzanji dan marhaban juga dibaca oleh pengantin perempuan dengan ditemani pengiringnya pada hari melangsungkan perkahwinan. Sama seperti majlis yang lain,

tidak kesemua bahagian dari kitab barzanji itu dibaca. Adat ini hanya diamalkan oleh segelintir masyarakat Melayu sahaja. Adat sedemikian semakin ditinggalkan lebih-lebih lagi masyarakat kota yang kebanyakannya tidak lagi memberikan perhatian kepada adat resam nenek moyang mereka.

v. Majlis sambutan memperingati kelahiran Rasulullah SAW (Maulid ar-Rasul)

Adalah menjadi satu kemestian majlis ini diadakan pembacaan barzanji dan marhaban di dalamnya. Walaupun majlis ini merupakan majlis memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW, namun bilangan bab barzanji masih juga terhad iaitu antara satu hingga empat bab dan diakhiri dengan doa. Malah ada kalanya hanya satu bab barzanji yang dibaca iaitu bab empat yang mengisahkan saat kelahiran Nabi Muhammad SAW. Namun dalam majlis sambutan ini pembacaan barzanji bukanlah acara kemuncak, sebaliknya adalah sesi ceramah yang disampaikan (Selamat Hashim, 2008: 197).

Berdasarkan kepada apa yang dijelaskan di atas, secara umumnya bolehlah dikatakan bahawa masyarakat Melayu mengadakan pembacaan berzanji pada majlis-majlis yang menggambarkan kesyukuran, kegembiraan, memohon keselamatan dan kesejahteraan serta majlis sambutan perayaan maulid. Budaya barzanji adalah satu amalan yang baik, kerana ia mengingatkan seseorang terhadap kisah Rasulullah SAW dan perkembangan Islam. Acara pembacaannya lebih kepada sebagai satu bentuk pengisian sesuatu majlis keramaian. Abdul Ghaffar membuat tambahan selain dari majlis-majlis yang telah disebutkan, barzanji juga dipersembahkan apabila seseorang itu hendak bermusafir (kebiasaannya ketika hendak pergi menunaikan fardu haji), sebelum menghantar rombongan peminangan dan ketika mula menduduki rumah baru (Syekh Abdul Ghaffar Syekh Abdul Quddus, 2008:8).

## **KEBAIKAN AMALAN BARZANJI DAN MARHABAN DALAM MASYARAKAT MELAYU**

Amalan barzanji telah diperkenalkan kepada masyarakat Melayu Islam sejak awal kedatangan Islam lagi. Dalam erti kata lainnya, masyarakat Melayu telah diperkenalkan dengan barzanji serentak dengan penerimaan orang-orang Melayu kepada Islam. Mereka bukan sahaja menjadikan amalan barzanji sebagai satu budaya malahan meletakkan kepentingan itu seperti amalan keagamaan yang lain. Ini adalah kerana dalam barzanji mengandungi bacaan selawat kepada Rasulullah SAW dan akan mendatangkan pahala kepada yang membacanya (Syekh Abdul Ghaffar Syekh Abdul Quddus, 1991: 9) Antara kesan yang baik dari majlis pembacaan barzanji dan marhaban ialah;

- i. Medium penyatuan dan mengeratkan silaturahim
- ii. Majlis barzanji dan marhaban sering diadakan bagi meraikan majlis-majlis tertentu. Upacara keramaian seumpama ini tentu dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Penglibatan masyarakat yang bersama-sama dalam majlis-majlis yang diadakan tentu sekali akan memberi kesan baik kepada semangat kekitaan dan memupuk ikatan



ukhuwah serta suasana harmoni dalam masyarakat itu sendiri.

- iii. Menambahkan keceriaan sesuatu majlis
- iv. Pembacaan seni barzanji dan marhaban sebagai satu pengisian kepada majlis-majlis yang diadakan akan menceriaan lagi majlis tersebut. Alunan seni barzanji dan marhaban menjadikan majlis yang diadakan lebih meriah lebih-lebih lagi apabila para hadirin turut sama melibatkan diri dalam sesi barzanji dan marhaban yang dilangsungkan. Sesuatu majlis akan lebih lengkap dengan pengisian barzanji dan marhaban.
- v. Menghayati sirah dan perjuangan Rasulullah SAW.
- vi. Kitab barzanji mengandungi sejarah hidup Rasulullah SAW bermula dari kelahiran hinggalah kewafatan Baginda. Membaca serta menghayati kandungan berzanji secara tidak langsung akan menambahkan kecintaan dan meneladani peribadi Rasulullah SAW.
- vii. Pemuliharaan seni warisan Islam.
- viii. Seni barzanji dan marhaban adalah satu warisan seni dalam kesenian Islam. Mengadaknya bermakna satu usaha untuk terus menghidupkan seni warisan ini, lebih-lebih lagi amalan barzanji dan marhaban dilihat semakin dilupakan terutamanya oleh generasi baru pada hari ini. Masyarakat umumnya boleh memainkan peranan bagi menyemarakkan seni ini dengan menjadikannya sebagai satu pengisian dalam majlis-majlis yang diadakan.

### **CADANGAN-CADANGAN BAGI MEMPERKASAKAN SENI BARZANJI DAN MARHABAN**

Langkah-langkah tertentu perlu diambil bagi memastikan seni barzanji dan marhaban ini terus dipelihara dan terus diamalkan dalam masyarakat Melayu. Langkah-langkah yang proaktif juga dapat meletakkan seni suara warisan Islam ini benar-benar memberi kesan kepada pembangunan sahsiah dan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya sekali gus dapat memperkasakan seni barzanji dan marhaban.

- i. Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan

Pihak kerajaan khususnya melalui Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (KEKWA) boleh memainkan peranan yang amat berkesan. Seni barzanji dan marhaban juga sebagai satu seni warisan yang telah diamalkan dalam masyarakat kita sejak dari zaman berzaman. Keprihatinan pihak kementerian terbabit terhadap perkembangan seni warisan ini amatlah dialu-alukan. Adalah amat bertepatan sekiranya pihak KEKWA turut meletakkannya di bawah pengelolaan kementerian tersebut kerana aspek seni,

budaya dan warisan amat relevan dengan seni barzanji dan marhaban itu sendiri. Program-program berkaitan boleh digerakkan oleh pihak kementerian seperti dalam bentuk seminar, persembahan, festival sama ada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa sepertimana yang selalu diadakan pada jenis atau aspek kesenian yang lainnya.. Ini tentu sekali memberi impak yang amat baik kepada perkembangan seni warisan ini.

ii. Kementerian Pelajaran

Pihak Kementerian Pelajaran juga boleh memainkan peranannya dalam perkembangan seni barzanji dan marhaban. Pengkaji mendapati aktiviti seni barzanji dan marhaban di peringkat sekolah adalah inisiatif sekolah itu sendiri seperti ada yang mengadakannya sempena majlis maulid ar-rasul. Antara usaha yang boleh diambil oleh pihak kementerian ialah mengadakan pertandingan/perujian barzanji dan marhaban antara sekolah-sekolah hingga peringkat kebangsaan sepertimana diadakan Majlis Tadarus al-Quran (MTQ).

iii. Institusi Pengajian Tinggi

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga boleh memberi sumbangan kepada menyemarakkan program seni barzanji dan marhaban. Pihak IPT selalu mengadakan seminar, persembahan, pertandingan pelbagai acara kesenian terutamanya yang berkait rapat dengan kebudayaan dan warisan negara. Ini akan memberi impak yang positif kepada seni barzanji dan marhaban sekiranya diberi tempat dalam program-program sedemikian. Satu usaha yang baik dan efisien sekiranya seni warisan Islam ini dijadikan salah satu dari kursus pilihan bagi pelajar-pelajar di IPT.

iv. Perubahan atau penambahbaikan cara persembahan seni barzanji dan marhaban

Kesan dari amalan seni barzanji dan marhaban bukan sahaja memberi impak yang baik kepada pembangunan sahsiah individu malahan juga kepada semangat muafakat dan persaudaraan dalam masyarakat. Adalah lebih baik lagi sekiranya isi kandungan dalam barzanji dan marhaban yang memaparkan kisah yang berkaitan dengan Rasulullah SAW itu benar-benar dapat difahami dan dihayati. Mungkin satu cadangan yang baik dan menarik sekiranya diadakan sesi penjelasan tentang isi kandungan selepas ianya dipersembahkan atau dilagukan juga dalam bahasa ibunda selepas bait-bait tertentu dipersembahkan dalam bahasanya yang asal. Satu pendekatan yang menarik dalam pertandingan seni barzanji dan marhaban yang pernah dianjurkan oleh pihak Universiti Sains Islam Malaysia dengan skrin besar disediakan bagi memaparkan maksud bagi setiap bacaan barzanji untuk tatapan para audiens. Kemungkinan juga boleh diambil teknik persembahan seni barzanji dan marhaban di sesetengah tempat di Indonesia yang menggunakan peralatan muzik seperti gendang dan kompang bagi mengiringi persembahan barzanji dan marhaban dan ini mampu menjadikan persembahan itu lebih segar dan menarik

## PENUTUP

Seni barzanji dan marhaban mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Ia adalah kesan dari kecenderungan orang-orang Arab untuk menghasilkan puisi serta ucapan dalam bentuk yang dilagukan. Kata-kata puitis yang mempunyai nilai kesusasteraan menjadi kesukaan masyarakat Arab. Ia menjadi media dalam menyampaikan mesej tertentu baik berupa kata-kata pujian terhadap Rasulullah SAW ataupun memperakui kebesaran Allah SWT. Di samping itu juga salah satu kaedah untuk meluahkan rasa kegembiraan, kesenangan hati atas segala yang dianugerahkan oleh Yang Maha Pencipta. Syeikh Jacafar al-Barzanji telah menukulkan puisi-puisi dalam mengungkapkan keperibadian unggul Rasulullah SAW dan akhirnya pembacaan puisi berlagu itu dikenali sebagai seni barzanji.

Perkembangan Islam di Nusantara telah membawa kepada kemasukan seni barzanji dan marhaban. Kandungan kitab barzanji memaparkan sirah dan juga kata puji-pujian terhadap Rasulullah SAW. Marhaban pula menggambarkan rasa gembira dan ianya adalah kata-kata berupa kegembiraan menyambut kelahiran dan kedatangan Rasulullah SAW. Amalan barzanji dan marhaban bukan hanya semata-mata sebagai media dakwah bagi menyampaikan penceritaan kisah Rasulullah SAW malahan ianya memberi kesan yang amat baik kepada aspek kemasyarakatan dan pembinaan peribadi yang unggul dalam kalangan umat Islam.

Dewasa ini, amalan barzanji dan marhaban dilihat semakin terpinggir. Misalnya ia tidak lagi menjadi kemestian untuk diadakan dalam majlis seperti perkahwinan dan tidak lagi menjadi alat bagi memeriahkan upacara berkhatan. Sehubungan dengan itu adalah perlu langkah-langkah tertentu diambil bagi memastikan seni barzanji dan marhaban terus hidup dalam masyarakat kita.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Dahlan. 2001. *Ensiklopedia Hukum Islam*. Jakarta: P.T Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Abdul Ghaffar Abdul Quddus. 1993. *Barzanji dan Konsep Amalannya di Nusantara*. Kuala Terengganu: Penerbit Yayasan Islam Terengganu.
- Abdul Rahman Rukaini. 1996. *Barzanji: Rangkaian Kisah Nabi dalam Puisi Jaafar al-Barzanji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abi Hamid Muhammad al-Ghazali. 1969. *Al-Mujtahid al-Amin*. Maktabah Matbach al-Mustafa al-Halabi wa Auladah.
- Abu Bakar Ya'cub. 1974. *Makna al-Barzanji dan Pidato Memperingati Sejarah Nabi Muhammad SAW*. Medan: Penerbit Firma Islamiyah.
- Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohammad. 1994. *Muzik dan Nyanyian Tradisi Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Azra Azyumardi. 2007. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Jakarta: Percetakan Kencana.
- Ensiklopedia Islam. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. 2003. *Lisan al-cArab*. Jilid 4. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Muhammad Fuad Kamaluddin al-Maliki. 2009. *Amalan Barzanji Menurut Perspektif Islam*.

- Johor Bahru: Penerbit Pusat Islam Iskandar Johor.
- Muhammad Sholikin. 2009. *Tujuh Belas Jalan Menggapai Mahkota Sufi Syeikh Abdul Qadir Jailani*. Yogyakarta: Mutiara Media.
- Muhammadiyah Yunus dan Siti Rugayah Tibek. Kertas kerja. *Barzanji dalam Pandangan Ulama Sulawesi Selatan*. Anjuran Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB), UKM. Puri Pujangga Universiti Kebangsaan Malaysia. 21 Disember 2012.
- Muradi. 1998. *Silk al-Durar fiACYani al-Qorni al-Thani cAsr*. Beirut: Dar Ibn Hazm
- Selamat Hashim. 2008. *Jati Diri Johor dalam Pelbagai Perspektif: Barzanji dan Marhaban*. Johor Bahru: Penerbit Yayasan Warisan Johor.